

RISALAH PENDIDIKAN KHAS



جباتن قنديدين خاص

JABATAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

2023



[jpkhas_moe.bn](https://www.instagram.com/jpkhas_moe.bn)



jpkhas@moe.gov.bn



+673 2446553



Jabatan Pendidikan Khas
Spg 240, Kg Pintu Malim

Isi Kandungan

1 Jabatan Pendidikan Khas

2 Proses Rujukan

3 Pertimbangan Khas

4 Perkhidmatan Psikologi Pendidikan

5 Perkhidmatan Pemulihan Pertuturan dan Percakapan

6 Perkhidmatan Pemulihan Cara Kerja

7 Perkhidmatan Bantuan Khusus Masalah Pembelajaran Spesifik - Disleksia

8 Perkhidmatan Bantuan Khusus Pendengaran

9 Perkhidmatan Bantuan Khusus Penglihatan

10 Unit Sokongan Pembelajaran (Rendah)

11 Unit Sokongan Pembelajaran (Menengah)

12 Pusat Kecemerlangan Pendidikan Khas (CoE)


13 Perkhidmatan Bantuan Sokongan Pembelajaran (Hospital RIPAS)

14 Mesyuarat Komiti Peringkat Sekolah (SBT)

15 Tabung IKHLAS

16 Rujukan Lain

JABATAN PENDIDIKAN KHAS



1

2

3

4

5

6

7

8

9

10

11

12

13

14

15

16




جباتن فنديقتن خاص

**JABATAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

*" Alhamdulillah,
untuk kebajikan mereka ini, pihak
Kerajaan telah menyediakan
peruntukan dan beberapa skim, serta
program bantuan, bimbingan dan latihan
bagi meningkatkan lagi keupayaan
golongan ini.*

*Selain bantuan sara hidup, Kerajaan juga
turut menitikberatkan hal ehwal
pendidikan mereka. Misalnya, Kerajaan
telah menubuhkan Unit Pendidikan Khas
di bawah Kementerian Pendidikan pada
tahun 1994, bagi tujuan untuk
memberikan peluang kepada kanak-kanak
golongan berkenaan untuk mengikuti
program pendidikan formal yang
bersesuaian"*

Titah KDYMM Sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri Tahun 1436
Hijrah/2015 Masehi Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah



PENGENALAN

Unit Pendidikan Khas (UPK) ditubuhkan pada tahun 1994 sebagai sebuah Unit di bawah Pejabat Setiausaha Tetap Pendidikan Teras, Kementerian Pendidikan.

Pada 1 Jun 2021, UPK telah dinaiktaraf menjadi sebuah Jabatan di Kementerian Pendidikan dan dikenali sebagai Jabatan Pendidikan Khas (JPKhas).

VISI

Pendidikan Inklusif Berkualiti Pelajar Berkeperluan Khas Gemilang

Pendidikan inklusif berkualiti bermakna semua pelajar termasuk mereka yang berkeperluan khas diberi peluang untuk belajar bersama-sama dengan rakan sebaya di sekolah-sekolah biasa dengan penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan bantuan serta program pendidikan yang sesuai serta dapat memenuhi keperluan-keperluan khas individu.

MISI

Memastikan Program dan Perkhidmatan yang Berkualiti bagi Membolehkan Pelajar-Pelajar Berkeperluan Khas Mencapai Potensi Maksima

JPKhas adalah komited kepada pembangunan negara (*nation building*) dan berperanan untuk meningkatkan kualiti pendidikan, supaya pelajar-pelajar menjadi warga negara yang berjaya.

FUNGSI UTAMA

- 1 Membuat perancangan, menyediakan perkhidmatan dan Program Pendidikan Khas di sekolah-sekolah kerajaan
- 2 Mengenal pasti keperluan Pelajar Berkeperluan Khas: akses, kurikulum, infrastruktur, sumber agar mereka mendapat akses pendidikan, menyertai aktiviti pembelajaran dan mencapai kecemerlangan.
- 3 Menjalankan penilaian dan intervensi bagi Pelajar-Pelajar Berkeperluan Khas
- 4 Menyediakan latihan perkembangan profesional dalam bidang Pendidikan Khas
- 5 Memberikan kesedaran dan kefahaman mengenai Pendidikan Khas kepada masyarakat dan orang awam
- 6 Menjadi nara sumber bagi Pendidikan Khas
- 7 Menyediakan pangkalan data Pelajar Berkeperluan Khas
- 8 Bekerjasama dengan agensi-agensinya tempatan dan luar serta pihak berkepentingan
- 9 Merangka dan menjalankan projek-projek yang berkaitan
- 10 Merangka, menyediakan dan mengembangkan Kurikulum Pendidikan Khas

DASAR PENDIDIKAN KHAS

Dasar Pendidikan Khas yang telah diisytiharkan 1997, adalah seperti berikut:

“Pelajar yang memerlukan bantuan dan program pendidikan khas akan diberikan program yang bersesuaian dengan keperluan, usia, dan tahap pencapaian pendidikan pelajar berkenaan sebaik sahaja perkhidmatan dapat disediakan”


(Garispendu Dasar Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, 1997)

Dasar Pendidikan Khas adalah berasaskan prinsip pendidikan inklusif iaitu:

“Semua kanak-kanak berkebolehan mengikuti pembelajaran dalam persekitaran dan suasana pembelajaran yang sesuai. Persekitaran pembelajaran yang sesuai dapat dibentuk dan diwujudkan di dalam sekolah inklusif. Sekolah inklusif ialah sekolah yang dapat memberi pengajaran yang sesuai kepada semua kanak-kanak mengikut kebolehan individu”

(Garispendu Dasar Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, 1997)

STRUKTUR ORGANISASI



KATEGORI DIAGNOSA?



ALAMAT

IBU PEJABAT JABATAN PENDIDIKAN KHAS

Simpang 240, Kampong Pintu Malim,
Jalan Kota Batu, Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

Tel: +673 244 6553

JABATAN PENDIDIKAN KHAS CAWANGAN TUTONG

Barek SM Sufri Bolkoh, Tutong
Negara Brunei Darussalam

Tel: +673 426 0816

JABATAN PENDIDIKAN KHAS CAWANGAN BELAIT

Banglo Kelas C, No 375, Spg 37-35,
Jalan Setia Negara,
Kawasan SM Perdana Wazir, Kuala Belait
Negara Brunei Darussalam

Tel: +673 333 0461/ +673 333 0462

Emel: jpkhas@moe.gov.bn

Instagram: [jpkhas_moe.bn](https://www.instagram.com/jpkhas_moe.bn)



PROSES RUJUKAN



1

2

3

4

5

6

7

8

9

10

11

12


13

14

15


16

PROSES RUJUKAN




Rujukan
Daripada
Sekolah / Ibu
Bapa / Penjaga
/ Agensi Lain

Menerima
Borang
Rujukan




Pembahagian
Rujukan

Perkhidmatan
Awal Yang
Diperlukan



Menyemak
semula/
Memantau
Perkembangan
Pelajar

Penyerahan
Laporan ke
Sekolah atau
/ dan Agensi
Yang
Berkaitan



Perkhidmatan
Bantuan
Khusus

PERTIMBANGAN KHAS





PERTIMBANGAN KHAS

ACCESS ARRANGEMENTS

APA ITU PERTIMBANGAN KHAS?

Pertimbangan Khas semasa penilaian atau peperiksaan awam:



Membolehkan pelajar mengakses penilaian dan peperiksaan tanpa mengubah atau menjejaskan objektif penilaian atau peperiksaan.



Telah dicadangkan oleh Pegawai JPKhas atau Pegawai dari Kementerian Kesihatan seperti Bahagian Optometri, Perkhidmatan Psikiatri dan lain-lain, berdasarkan keperluan dan halangan yang dihadapi oleh pelajar bekeperluan khas.



Telah dijalankan oleh guru-guru dan dipraktikkan secara norma oleh pelajar agar memberi peluang kepada pelajar membiasakan diri dengan menggunakan pertimbangan khas semasa pembelajaran dan pengajaran serta penilaian dan peperiksaan dalaman sekolah.



Tidak akan memberikan kelebihan (*unfair advantage*) atau kekurangan (*unfair disadvantage*) kepada pelajar berbanding dengan pelajar-pelajar lain.

SIAPA YANG MEMERLUKAN PERTIMBANGAN KHAS?

Pelajar yang memerlukan Pertimbangan Khas adalah mereka yang menghadapi kesukaran mengakses pembelajaran dan penilaian atau peperiksaan awam.

Pelajar yang dimaksudkan mempunyai:

- Diagnosa perubatan, kelainan upaya dan kesukaran dalam pembelajaran secara kekal atau jangka panjang seperti Autism, ADHD, Anxiety Disorder, Dyslexia, Cerebral Palsy, Nystagmus, Blind, Hearing Loss, Leukaemia dan lain-lain
- Kelainan upaya atau masalah kesihatan secara sementara seperti kecederaan disebabkan oleh kemalangan atau selepas menjalani pembedahan.

TATACARA RUJUKAN




JABATAN PENDIDIKAN KHAS

Spg 240, Kg Pintu Malim,
Jalan Kota Batu

+673 2446553 (Tel)
+ 673 2446551 (Faks)
jpkhas@moe.gov.bn




Whatsapp



Telefon



PERKHIDMATAN PSIKOLOGI PENDIDIKAN





جباتن فنديقن خاص

**JABATAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Perkhidmatan Psikologi Pendidikan

Unit Penilaian dan Pengujian,
Bahagian Perkhidmatan Pelajar Berkeperluan Khas



Educational Psychologist (EPs) are 'hope-catchers';

*when everyone else is finding out what a child cannot do,
EPs explore what they can do and what support they
need to be the very best versions of themselves*

- Educational Psychology Today (2017) -

Siapa dia Pegawai Psikologi Pendidikan?

Pegawai-pegawai di bawah perkhidmatan ini

- mempunyai kelulusan dalam bidang Psikologi sekurang-kurangnya diperingkat Sarjana Muda dan *Post Graduate Certificate in Education* atau *Master of Teaching*.
- berpengalaman mengajar di peringkat rendah atau menengah.
- berdaftar di bawah Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu (*Allied Health Professional Council*), Kementerian Kesihatan, Brunei Darussalam.
- berkemahiran dalam menjalankan penilaian-penilaian psikologi serta ujian-ujian diagnostik dan saringan secara individu dan berkumpulan.

Apakah Tugas Pegawai Psikologi Pendidikan?

Mengenalpasti keperluan pelajar melalui konsultasi bersama pelajar, ibu bapa/penjaga, pihak sekolah dan pihak Jabatan Pendidikan Khas

Bekerjasama dengan Komiti Peringkat Sekolah dan profesional-profesional dari agensi lain (jika perlu) dalam merancang pembelajaran dan pengajaran yang bersesuaian

Menjalankan penyelidikan dan projek-projek yang berkaitan dengan Pendidikan Khas


Menjalankan penilaian yang bersesuaian untuk mengenalpasti keperluan pelajar dalam adaptasi dan modifikasi pembelajaran, pengajaran, ujian berterusan dan peperiksaan di peringkat sekolah dan umum

Mengadakan bengkel-bengkel/taklimat-taklimat dan sesi latihan perkembangan berterusan yang berkaitan dengan pendidikan khas

Pengenalan

Perkhidmatan ini menyediakan khidmat profesional dari segi konsultasi dan penilaian untuk meningkatkan perkembangan psikologi, akademik, sosial dan emosi pelajar-pelajar yang dikenalpasti mempunyai keperluan dalam pembelajaran.

Pelajar-pelajar yang dimaksudkan adalah pelajar-pelajar berkeperluan khas yang sedang mengikuti pembelajaran dari peringkat pra-sekolah sehingga pasca menengah dan telah dirujuk ke Jabatan Pendidikan Khas.



Chronosystem: time and historic influences

Bronfenbrenner's Ecological Systems

Berdasarkan *Bronfenbrenner's Ecological Systems Theory*, perkembangan individu kanak-kanak dipengaruhi oleh interaksi persekitaran yang berbeza. Bronfenbrenner menghuraikan perkembangan kanak-kanak menggunakan pendekatan ekologi dengan menamakan lima sistem iaitu mikrosistem, mesosistem, eksosistem, makrosistem dan kronosistem. Ini dapat membantu Pegawai Psikologi Pendidikan untuk memberi perkhidmatan yang bersesuaian dalam meningkatkan perkembangan pendidikan kanak-kanak.

Antara jenis-jenis penilaian yang dijalankan ialah:

Weschler Non Verbal (WNV)

Weschler Intelligence Scale for Children Fifth Edition (WISC-V)

Weschler Individual Achievement Test Fourth Edition (WIAT-4)

Cognitive Ability Test 4 (CAT4)
(secara atas talian)

Detailed Assessment of Speed of Handwriting (DASH)



ilustrasi oleh: Lee Pei Yee (Pelajar Berkeperluan Khas Sensori Pendengaran)


Jabatan Pendidikan Khas (JPKhas)
Kementerian Pendidikan

Tel: +673 244 6553

Faks: +673 244 6551

Emel: jpkhas@moe.gov.bn

atau imbas QR Code di bawah



PERKHIDMATAN PEMULIHAN PERTUTURAN DAN PERCAKAPAN






جباتن قنديديقن خاص
JABATAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Perkhidmatan Pemulihan Pertuturan & Percakapan

Perkhidmatan Pemulihan Pertuturan & Percakapan



Perkhidmatan profesional di Jabatan Pendidikan Khas (JPKhas).

Untuk pelajar-pelajar di peringkat sekolah rendah yang mempunyai masalah dalam kemahiran pertuturan, percakapan dan komunikasi.

Keperluan pertuturan, percakapan dan komunikasi = *Speech, Language and Communication Needs (SLCN)*.




Pertuturan

Keupayaan untuk menghasilkan bunyi yang membentuk bahasa dengan tepat dan jelas.



Percakapan

Memahami dan menggunakan perkataan secara lisan atau bertulis.



Komunikasi

Kemahiran untuk menyampaikan atau menggunakan pertuturan dan percakapan secara lisan atau bukan lisan (bahasa isyarat, isyarat tangan, ekspresi muka dan lain-lain).

Ciri-Ciri Masalah Pertuturan, Percakapan & Komunikasi

Pertuturan



Kesukaran dalam menghasilkan bunyi dengan betul.

Contohnya:

- *Menggantikan bunyi 'k' kepada bunyi 't', seperti "tucing".*
- *Meniadakan suku kata, seperti perkataan 'minum' kepada "num".*

Kesukaran dalam bertutur dengan lancar, seperti kegagapan.

Contohnya:

- *"b-b-b-bola".*
- *Memanjangkan sebutan bunyi dan suku kata seperti "sssssssayang".*

Percakapan



Mempunyai perbendaharaan kata yang terhad.

Kesukaran dalam memahami dan memproses bahasa secara lisan atau bertulis.

Kesukaran dalam menyusun perkataan untuk membentuk ayat.

Komunikasi



Kesukaran untuk berkomunikasi secara bersesuaian dalam situasi sosial.

Contohnya:

- *Bercakap menurut giliran.*
- *Mengekalkan topik sewaktu berkomunikasi.*

Perkhidmatan yang Disediakan



Menjalankan penilaian di sekolah-sekolah bagi pelajar-pelajar yang dikenal pasti mempunyai SLCN.

Menyediakan program intervensi untuk membantu pelajar-pelajar mengikuti kurikulum sekolah agar mereka dapat mencapai kejayaan pada tahap maksima.

Semua program yang disediakan telah dibuat mengikut keperluan pelajar secara individu



Bekerjasama dan memberi latihan kepada guru-guru, ibu bapa, ahli profesional dan individu yang berkenaan untuk menjalankan dan menjayakan program intervensi dengan strategi yang khusus.



Menjalankan sesi pemulihan dengan pelajar secara individu atau kumpulan kecil.




Bekerjasama dengan profesional dari pihak sekolah, JPKhas dan agensi-agensi lain yang terlibat dengan pelajar untuk menyediakan Pelan Pendidikan Individu (PPI) bagi memastikan keperluan komunikasi dan pendidikan sentiasa dipantau secara konsisten.

Maklumat penting


Perkembangan

SLCN boleh menyebabkan perkembangan seseorang pelajar berada di bawah tahap umur sebenar.



Penyesuaian Kepada Persekitaran

Sekolah-sekolah/bilik-bilik darjah perlu menyesuaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran untuk membantu pelajar-pelajar yang mempunyai SLCN.



Kepentingan Bahasa

Bahasa memainkan peranan penting sebagai pengantar arahan dan pembelajaran dalam konteks pendidikan.



Kajian

Kajian menunjukkan bahawa kemahiran komunikasi adalah penting bagi kejayaan dalam pendidikan seseorang pelajar.



Kepentingan Bekerjasama

Kerjasama di antara Ibu bapa, guru-guru dan pihak-pihak yang terlibat memainkan peranan penting dalam mengikuti dan memantau proses perkembangan percakapan dan komunikasi pelajar.



Hubungi Kami



Jabatan Pendidikan Khas

IBU PEJABAT

Simpang 240, Kampong Pintu

Malim Jalan Kota Batu

Bandar Seri Begawan

Tel: +673 244 6553

Fax: +673 244 6551

Emel: jpkhas@moe.gov.bn

Gadong

Banglo C5, Simpang 373-18

Jalan Pasar Baharu

Gadong


+673 245 4155



جباتن فندي يقن خاص

JABATAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

STRATEGI PERTUTURAN, PERCAKAPAN & KOMUNIKASI UNTUK GURU-GURU DI SEKOLAH



PERKHIDMATAN
PEMULIHAN
PERTUTURAN &
PERCAKAPAN

APABILA AWDA MENGHADAPI KESUKARAN UNTUK MEMAHAMI PELAJAR

- 1 Ulangi semula sebutan atau ayat yang difahami.
Contohnya:
Pelajar (P): Ali mau [mi:'num].
Guru (G): Ali mau...
P: [mi:'num] (minum).
G: Oh, minum.
- 2 Arahkan pelajar untuk menambah maklumat bagi mencapai kefahaman awda.
Contohnya:
P: Ali mau merah di sana.
G: Macam mana bentuknya yang merah ani?
- 3 Arahkan pelajar untuk menunjukkan maksud mereka melalui isyarat atau menunjuk.

Tujuan:

Sentiasa memberikan maklum balas kepada pelajar walaupun awda tidak faham. Ini akan menunjukkan kepada pelajar yang awda berminat untuk mendengar dan berkomunikasi walaupun mereka sukar difahami.

APABILA PELAJAR MENGHADAPI KESUKARAN UNTUK MEMAHAMI AWDA

Gunakan perkataan atau ayat yang jelas dan mudah difahami.

Tekankan perkataan penting.

Berikan arahan yang pendek dan mudah.

Berikan arahan satu persatu dan berhenti sementara di antara arahan.

Ulangi arahan dengan jelas dan perlahan.

Gunakan bantuan visual seperti objek sebenar, gambar atau isyarat.



APABILA AWDA DAN PELAJAR SALING MEMAHAMI



- 1 Ulangi semula apa yang disampaikan oleh pelajar serta berikan maklumat tambahan. Kemudian tunggu beberapa saat untuk pelajar memberikan respon.

Contohnya:

P: Di sana!

G: Di sana, di dalam almari.

G: *Menunggu beberapa saat*

P: Di dalam almari.

- 2 Ulangi semula ayat atau perkataan yang kurang tepat melalui kaedah modeling.

Contohnya:

P: Sana ada itan.

G: Ikan. Au, di sana ada ikan.

Tujuan:

Untuk meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar.



STRATEGI LAIN

Gunakan alat bantu visual seperti gambar dan video.

Letakkan tempat duduk pelajar di barisan hadapan.

Pastikan bilik darjah dalam keadaan yang tenang dan sunyi semasa memberi arahan.


Pastikan pelajar memberikan perhatian sebelum arahan diberikan.

Bercakap dengan perlahan-lahan dan jelas disertai dengan intonasi dan ekspresi wajah yang bersesuaian.

Memberikan maklumat atau gambaran awal kepada pelajar tentang apa yang akan berlaku.

Ringkaskan maklumat yang diberikan dengan menggunakan perkataan penting.

MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI:



JABATAN PENDIDIKAN KHAS

IBU PEJABAT

Simpong 240, Kampong Pintu Malim

Jalan Kota Batu

Bandar Seri Begawan

Tel: +673 244 6553

Fax: +673 244 6551

Emel: jpkhas@moe.gov.bn

Gadong

Banglo C5, Simpong 373-18

Jalan Pasar Baharu

Gadong

Tel: +673 245 4155

PERKHIDMATAN PEMULIHAN CARA KERJA



PERKHIDMATAN PEMULIHAN CARA KERJA



JABATAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KRITERIA PELAJAR YANG DIRUJUK KE PERKHIDMATAN PEMULIHAN CARA KERJA:

KEMAHIRAN MENULIS

Mempunyai masalah dalam kemahiran menulis yang boleh menjejaskan pembelajaran dan akademik.

Mempunyai masalah manipulasi dan pergerakan tangan seperti memasang butang, zip, tali kasut dan menggunakan sudu atau garfu.

KEMAHIRAN MOTOR HALUS

KEMAHIRAN MOTOR KASAR

Lambat dalam mencapai tahap perkembangan motor kasar mengikut tahap umur dan kesukaran dengan koordinasi motor, kekuatan dan keseimbangan.

Mempunyai kesukaran dalam melakukan aktiviti pengurusan kehidupan seharian seperti memakai baju, seluar, makan sendiri dan menggunakan tandas.

KEMAHIRAN PENGURUSAN DIRI

KEMAHIRAN MENUMPUKAN PERHATIAN (ATTENDING SKILLS)

Mempunyai masalah untuk fokus semasa membuat tugas.

Mempunyai masalah dalam mengintegrasikan dan memproses maklumat sensorial yang boleh menjejaskan pembelajaran di sekolah.

KEMAHIRAN SENSORI

ADAPTASI PERALATAN KHUSUS (SEATING & ADAPTIVE EQUIPMENT)

Mempunyai keperluan fizikal yang memerlukan kerusi roda atau peralatan/perabot khusus pembelajaran.

PERKHIDMATAN PEMULIHAN CARA KERJA?

Perkhidmatan professional di Jabatan Pendidikan Khas bagi membantu pelajar berkeperluan khas mencapai, meningkatkan atau mengekalkan tahap fungsi dan keberdikarian yang optima dalam aktiviti kehidupan seharian melalui aspek pengurusan diri, kemahiran motor, sensori dan tingkah laku.

PERANAN

1. Menjalankan penilaian untuk mengenalpasti tahap dan keperluan kemahiran tertentu dan isu-isu mengenai infrastruktur bangunan sekolah seperti aksesibiliti persekitaran sekolah.
2. Mencadangkan strategi-strategi khusus atau adaptasi peralatan khusus mengikut keperluan pelajar serta memberikan bantuan intervensi Pemulihan Cara Kerja.
3. Mengendalikan latihan perkembangan profesional seperti bengkel-bengkel dan sesi kongsisama dalam bidang Pemulihan Cara Kerja.

KEMAHIRAN- KEMAHIRAN DI BAWAH PANTAUAN PERKHIDMATAN INI:

1 KEMAHIRAN MENULIS

2 KEMAHIRAN MOTOR HALUS

3 KEMAHIRAN MOTOR KASAR

4 KEMAHIRAN PENGURUSAN DIRI

5 KEMAHIRAN MENUMPUKAN PERHATIAN (ATTENDING SKILLS)

6 KEMAHIRAN SENSORI

7 ADAPTASI PERALATAN KHUSUS (SEATING & ADAPTIVE EQUIPMENT)

MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI:



JABATAN PENDIDIKAN KHAS

IBU PEJABAT

Simpang 240

Kampong Pintu Malim Jalan Kota Batu

Bandar Seri Begawan

+673 244 6553

jpkhas@moe.gov.bn




JABATAN PENDIDIKAN KHAS GADONG

Banglo C5, Simpang 373-18,


Jalan Pasar Baharu, Gadong

+673 245 4155

PERKHIDMATAN BANTUAN KHUSUS MASALAH PEMBELAJARAN SPESIFIK (DISLEKSIA)



KENALI DISLEKSIA



● **Perkhidmatan Bantuan Khusus Masalah Pembelajaran Spesifik (Disleksia)**
Jabatan Pendidikan Khas

Ibu Pejabat

Simpang 240, Kg. Pintu Malim
 Jalan Kota Batu
 Bandar Seri Begawan
 Tel: +673 244 6553
 Fax: +673 244 6551
 Emel: jpkhas@moe.gov.bn

Gadong

Tel: +673 245 4155

APA ITU DISLEKSIA?

Disleksia merupakan masalah pembelajaran berpunca daripada perbezaan struktur otak dan cara otak berfungsi untuk memproses dan mentafsir maklumat yang mengakibatkan kesukaran membaca dan mengeja.

Individu yang mempunyai Disleksia biasanya menunjukkan kombinasi kelebihan dan kesukaran yang biasanya membingungkan guru-guru dan ibu bapa.



TANDA-TANDA UTAMA

Kesukaran dalam:

Phonological awareness

Verbal memory

Verbal processing speed.



KELEBIHAN

Kelebihan dalam kemahiran:

Kreativiti

Seni reka bentuk

Penyelesaian masalah

Interaktif.



KESUKARAN

Kesukaran dalam kemahiran:

Bahasa

Motor ko-ordinasi

Melakukan kira-kira secara mental

Konsentrasi dan organisasi

Memproses apa yang dilihat dan didengar.

ANTARA FAKTA-FAKTA MENGENAI DISLEKSIA

Disleksia dialami oleh semua golongan masyarakat, tidak mengira etnik, jantina dan status sosial.

Disleksia bukan sejenis penyakit. Ia merupakan masalah pembelajaran yang berlaku sepanjang hayat. Ianya boleh diwarisi dari keluarga.

Hanya 30% individu Disleksia membaca dan menulis huruf dan nombor terbalik. Simptom ini bukan penunjuk utama seseorang itu mempunyai masalah Disleksia.

Kesukaran membaca, mengeja atau menulis yang disebabkan oleh Disleksia boleh diatasi dengan khidmat sokongan pembelajaran.

Kebiasaannya bahasa diproses menggunakan otak sebelah kiri. Beberapa kajian dikalangan individu yang mempunyai masalah Disleksia memproses bahasa menggunakan otak sebelah kanan.

TANDA-TANDA DISLEKSIA



1. Membaca

Kesukaran dalam menamakan, membunyikan dan menggabungkan bunyi huruf untuk membentuk perkataan.




6. Mendengar

Kesukaran untuk mengingati dan memproses arahan lisan yang panjang.



2. Mengeja

Kesukaran dalam memecahkan perkataan kepada bahagian-bahagian kecil seperti suku kata dan bunyi.



7. Ingatan

Kesukaran mengingati proses urutan dalam menyelesaikan masalah contoh operasi matematik.



3. Menulis

Menunjukkan kemampuan untuk memberikan idea secara lisan dengan sangat baik berbanding penulisan.



PETANDA-PETANDA LAIN

8. Hala Tuju

Keliru dengan hala kiri dan kanan.

9. Perancangan

Tidak kemas atau terlalu kemas.

NOTA

Murid-murid Darjah Pra boleh menunjukkan ciri-ciri kesukaran membaca, tetapi ini tidak bermaksud mereka mempunyai masalah Disleksia.

Hubungi JPKhas untuk sebarang nasihat jika pelajar masih menunjukkan kesukaran yang berterusan walaupun setelah mengikuti program intervensi di peringkat sekolah (minima 6 bulan secara intensif).

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN



Gunakan kaedah menyoal atau berikan arahan satu-persatu dengan jelas, pendek dan ringkas.



Gunakan pelbagai deria (*multi-sensory approach*) dalam pengajaran bacaan dan ejaan untuk pengukal pembelajaran yang lebih lama.



Berikan nota salinan secara bercetak atau *softcopy* dan kurangkan aktiviti menyalin dari papan tulis.



Sediakan tugas bacaan yang setanding dengan tahap kemahiran pelajar.



Sampaikan pengajaran secara visual seperti penggunaan carta, gambar rajah, peta minda, demonstrasi dan lain-lain.




Sentiasa memberi ulangkaji, latihan-tubi, latihan, *scaffolding* untuk membantu pengukuhan dan pemahaman konsep pelajaran.



Beri penghargaan, galakan dan komen positif bagi setiap kejayaan yang diperolehi oleh pelajar, seperti mempelajari atau menyiapkan tugas yang tersebut.

4. Bahasa & Pertuturan

Kesukaran mencari perkataan yang betul atau sesuai secara lisan atau bertulis.



5. Kemahiran Intelekt

Kemahiran intelek yang tinggi dan bakat yang besar berbanding dengan pencapaian akademik.





جباتن قنديدين خاص
JABATAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Perkhidmatan Bantuan Khusus Masalah Pembelajaran Spesifik (Disleksia)



Jabatan Pendidikan Khas

Ibu Pejabat

Simpang 240, Kg. Pintu Malim
 Jalan Kota Batu
 Bandar Seri Begawan
 Tel: +673 244 6553
 Fax: +673 244 6551
 Emel: jpkhas@moe.gov.bn

Gadong

Tel: +673 245 4155

Senarai Perkhidmatan

1

Mengendalikan rujukan seperti menjalankan penilaian.

2

Mengendalikan bengkel / latihan / sesi kongsisama perkembangan profesional.

3

Mengendalikan sumber peralatan khusus untuk pelajar disleksia.

Jika Anak Awda Menunjukkan Tanda-Tanda Disleksia

1

Hubungi dan berbincang dengan pihak sekolah.

2

Membawa ke klinik mata dan telinga untuk memastikan kesukaran yang dialami bukan disebabkan oleh masalah deria penglihatan atau pendengaran.

3

Pelajar perlu mengikuti intervensi secara intensif di peringkat sekolah selama 6 bulan (minima). Pelaksanaan intervensi hendaklah didokumentasikan dalam bentuk portfolio dengan menyertakan:

- Rancangan intervensi selama tempoh 6 bulan
- Rancangan pengajaran guru (*lesson plans*)
- Hasil kerja pelajar
- Hasil kemajuan pelajar melalui *running records, progress monitoring, assessment data* dan lain-lain
- Laporan guru yang menjalankan intervensi dan lain-lain yang berkenaan.

Proses Mengenalpasti Masalah Disleksia



Meneliti dokumen-dokumen yang disertakan.



Penilaian literasi secara informal (seperti kelancaran dan ketepatan membaca, menulis huruf secara urutan, mengeja perkataan, menulis karangan dan lain-lain).



Penilaian diagnostik Disleksia.



Temuduga dengan pelajar, guru-guru dan ibu bapa/penjaga.



Pemerhatian (jika perlu).



Penilaian psikologi formal oleh Pegawai Psikologi Pendidikan.

Cadangan Pelaksanaan Intervensi

1. Intervensi awal adalah sangat penting bagi membantu pelajar mengatasi masalah Disleksia.

2. Intervensi Disleksia biasanya memfokuskan kepada meningkatkan kemahiran membaca (kelancaran dan kefahaman), mengeja dan menulis yang diintegrasikan dalam pengajaran.

3. Mengintegrasikan aktiviti-aktiviti multisensori dan *Brain Gym*.

4. Menggunakan pendekatan berlandaskan prinsip *Orton-Gillingham*.

5. Menggunakan alat bantu mengajar mautud dan multisensori, seperti *playdough*.

6. Intervensi dijalankan di dalam suasana pengajaran yang kondusif serta mempunyai ciri-ciri suasana mesra Disleksia.

7. Disarankan intervensi dijalankan 3 kali seminggu (minima), 30 minit setiap sesi secara individu/kumpulan kecil.

Sekiranya Simptom Berterusan

4 Konsultasi melalui telefon atau temujanji bersama pegawai dari JPKhas.

5 Ibu bapa/penjaga dan guru mengisi Senarai Semak Disleksia.

6 Rujuk pelajar ke JPKhas dengan mengisi borang Permohonan Perkhidmatan JPKhas dan menyertakan Senarai Semak Disleksia, portofolio intervensi dan lain-lain.

Proses Rujukan ke Jabatan Pendidikan Khas

1 Pelajar dirujuk oleh pihak sekolah, agensi lain atau perkhidmatan lain di JPKhas.



2 Pengumpulan maklumat, penilaian literasi dan diagnostik disleksia dijalankan.



4 Rujuk silang kepada:
Perkhidmatan Psikologi Pendidikan

Perkhidmatan lain di JPKhas (jika perlu).

3 Penyediaan laporan penilaian pelajar.



Peranan Ibu Bapa

Membuat aktiviti membaca yang lebih menyeronokkan dan bermakna.



Sewaktu membaca, tunjukkan ekspresi dengan menggunakan suara yang berbeza.



Kaitkan perkataan yang dibaca dengan keadaan sekeliling.



Melatih anak awda untuk mengeja perkataan yang pernah dibaca.



Membantu mengembangkan kemahiran bahasa anak awda melalui perbualan.



Memberikan maklum balas yang positif untuk setiap kejayaan yang dicapai oleh anak awda.



Berbincang dengan guru jika anak awda menunjukkan kesukaran menguasai kemahiran literasi.



Merujuk anak awda ke Perkhidmatan Bantuan Masalah Pembelajaran Spesifik - Disleksia, JPKhas.



PERKHIDMATAN BANTUAN KHUSUS PENDENGARAN





جباتن فندي يقن خاص
 JABATAN PENDIDIKAN KHAS
 KEMENTERIAN PENDIDIKAN
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERKHIDMATAN BANTUAN KHUSUS SENSORI PENDENGARAN



IBU PEJABAT

Simpang 240, Kampong Pintu
 Malim

Jalan Kota Batu
 Bandar Seri Begawan
 Tel: +673 244 6553
 Fax: +673 244 6551
 Emel: jpkhas@moe.gov.bn

GADONG

Banglo C14, Simpang 373-18
 Jalan Pasar Baharu
 Tel: +673 244 6550

MASALAH PENDENGARAN DI KALANGAN KANAK-KANAK

PUNCA

- Jangkitan telinga atau tahi telinga.
- Kecacatan genetik pada bayi yang baru lahir.

STATISTIK

- 1-3 dalam setiap 1000 bayi dilahirkan dengan masalah pendengaran.
- Dianggarkan lebih 900 juta penduduk dunia akan menghadapi masalah pendengaran menjelang 2050 (1 dalam 10 orang).

Sumber: Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO)

KESANNYA

- Menjejaskan keupayaan untuk bercakap dan memahami bahasa.
- Menyebabkan prestasi pembelajaran merosot.
- Menimbulkan masalah emosi & menjejaskan sosialisasi bersama kawan-kawan.
- Intervensi awal adalah sangat penting dalam memastikan anak awda mempunyai masa depan yang bermakna dan produktif seperti kanak-kanak yang lain.

JIKA ANAK AWDA MENUNJUKKAN TANDA-TANDA MASALAH PENDENGARAN

1

Membuat perjanjian di hospital atau klinik swasta untuk ujian pendengaran.



2

Memaklumkan kepada guru-guru agar mereka boleh menyediakan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan keperluan anak awda.




3

Memahami keperluan anak awda agar awda dapat membantu mereka.



4

Memberi kerjasama dan sokongan yang padu dengan semua pihak yang terlibat.



ANTARA TANDA-TANDA MASALAH PENDENGARAN



Tidak mampu mendengar dengan jelas.



Bercakap dengan nada suara yang tinggi.



Mendengar radio atau TV dengan nada yang tinggi.



Kurang memberi perhatian.



Tidak memberi tindak balas terhadap bunyi yang kuat.



Mudah terkejut apabila dihampiri dari belakang.



Sukar untuk memahami dan mengikuti arahan.



Lemah pencapaian dalam subjek bahasa.



Fokus pergerakan bibir orang untuk memahami.



Sering berkhayal/berangan-angan.



Suka menyendiri.

ANTARA PUNCA-PUNCA MASALAH PENDENGARAN

Trauma.



Demam panas yang kuat semasa kecil.

Genetik.



Jangkitan Meningitis dan Measles.

Kelahiran tidak cukup bulan.



Tempoh mengandung yang kerap.

Terdedah kepada bunyi yang kuat.



Penyakit yang disebabkan oleh bakteria dan virus.

Terdedah kepada sinaran X (x-ray).



Komplikasi semasa kelahiran.

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN



1. Memberikan khidmat sokongan dari peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi seperti sumber pengajaran dan pembelajaran, program intervensi dan konsultasi.



2. Bekerjasama dengan pihak-pihak yang tertentu untuk menyediakan Pelan Pendidikan Individu (PPI) sebagai garis panduan pembelajaran.



3. Membuat pemantauan dan penilaian tidak formal mengenai perkembangan dan pencapaian pelajar dari segi sosial, komunikasi dan akademik.




4. Memodifikasi dan mengadaptasi bahan pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan tahap pembelajaran dan keperluan individu pelajar.



5. Mengendalikan latihan, bengkel dan kongres yang berkaitan dengan masalah pendengaran, komunikasi yang berkesan, penggunaan dan penjagaan alat bantu dengar, kepentingan pendidikan dan intervensi awal dan strategi pengajaran.

PERKHIDMATAN BANTUAN KHUSUS PENGLIHATAN





جباتن سندي يقن خاص
 JABATAN PENDIDIKAN KHAS
 KEMENTERIAN PENDIDIKAN
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERKHIDMATAN BANTUAN KHUSUS SENSORI PENGLIHATAN



Spg. 240, Kg. Pintu Malim
 Kawasan Sekolah Rendah Pintu Malim
 Jalan Kota Batu, Bandar Seri Begawan

Emel: jpkhas@moe.gov.bn


Tel: +673 2446553

Faks: +673 2446551

KATEGORI MASALAH PENGLIHATAN


1

Penglihatan terhad (rabun)



2

Tiada penglihatan (buta)



TANDA-TANDA MASALAH PENGLIHATAN



Melihat objek pada jarak yang terlalu dekat

Sensitif pada cahaya (photophobia)



Melihat melalui sudut mata

Mengecilkan anak mata dan mengerutkan kening ketika membaca



Bola mata sering bergerak-gerak (Nystagmus)

Terdapat selaput pada kanta mata (katarak)



Juling

Sais anak mata tidak normal.



PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

Memberikan khidmat sokongan dari peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi seperti sumber pengajaran dan pembelajaran, bengkel, program intervensi dan konsultasi.



Membuat pemantauan dan penilaian perkembangan pencapaian pelajar.




Bekerjasama dengan pihak-pihak yang tertentu untuk menyediakan Pelan Pendidikan Individu (PPI) sebagai garis panduan pembelajaran.



Memodifikasi dan mengadaptasi bahan pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan tahap pembelajaran dan keperluan individu pelajar.



PROSES RUJUKAN



BENGKEL & PROGRAM

Untuk Ibu Bapa/Penjaga & Guru

- 1 Taklimat pengenalan masalah penglihatan.
- 2 Bengkel pendidikan awal kanak-kanak.

Untuk Guru-Guru

- 3 Bengkel strategi pengajaran.

Untuk Pelajar, Ibu Bapa/Penjaga & Guru

- 4 Bengkel pengenalan dan pengajaran Kod Braille Fasa 1 dan Fasa 2.
- 5 Bengkel orientasi dan mobiliti.
- 6 Bengkel Kemahiran Hidup (Technique of Daily Living).

UNIT SOKONGAN PEMBELAJARAN (RENDAH)





جباتن قنديدقن خاص

**JABATAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**UNIT
SOKONGAN
PEMBELAJARAN
RENDAH**

**Simpang 240,
Kg Pintu Malim,
Jalan Kota Batu, BSB**

**Tel : +673 245 4151
Fax: +673 244 6551**

jpkhas@moe.gov.bn



Pegawai di bawah unit ini dikenali sebagai *Special Educational Needs Coordinator* (SENCo) selaku Pegawai yang memantau sekolah rendah kerajaan mengikut pembahagian sekolah.

MATLAMAT

Memastikan pelaksanaan Program Pendidikan Khas berjalan dengan lancar dalam suasana pendidikan yang inklusif dengan sokongan dan kerjasama daripada ahli Komite Peringkat Sekolah dan pihak berkepentingan.

Membantu pelajar berkeperluan khas mendapatkan akses pendidikan yang relevan dan sesuai agar tahap keupayaan dan penglibatan mereka dapat dioptimumkan.



PERANAN

Memantau, menilai, membantu dan memberi khidmat sokongan bagi pelaksanaan Program Pendidikan Khas di sekolah rendah kerajaan



Memberi taklimat / kongres / perkembangan profesional secara berterusan mengenai strategi pengajaran kepada guru SEN, Fokal, Pembantu Guru JPKhas dan guru-guru



Sebagai Ahli atau pegawai fokal Komite Peringkat Sekolah (SBT)



Kategori keperluan pelajar yang menerima perkhidmatan dari unit ini

01



Kemahiran Asas Literasi

02



Kemahiran Asas Numerasi

03



Kemahiran Akademik Berfungsi

04



Kemahiran Hidup/ Urus Diri

**Kognitif dan Pembelajaran
PL3 - PL5**




**Tingkah Laku, Emosi dan Perkembangan Sosial
PL3 - PL5**



Pelajar Berkeperluan Khas yang mempunyai diagnosis kekal dan keperluan yang mencabar

UNIT SOKONGAN PEMBELAJARAN (MENENGAH)





جباتن فنديقتن خاص
 JABATAN PENDIDIKAN KHAS
 KEMENTERIAN PENDIDIKAN
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

UNIT SOKONGAN PEMBELAJARAN

MENENGAH



ILSC
 JABATAN PENDIDIKAN KHAS

Banglo C7 (ILSC), Simpang 373-69
 Jalan Pasar Baharu, Gadong,
 BE3119
 +673 245 4149
 jpkhas@moe.gov.bn

ALIRAN PERDANA

PL1-PL2



BANTUAN DAN SOKONGAN
 PEMBELAJARAN YANG DIBERIKAN
 MENGIKUT KESESUAIAN DAN
 KEPERLUAN PELAJAR


Pengubahsuaian
 & Adaptasi
 Kurikulum



Strategi &
 Sumber
 Pengajaran dan
 Pembelajaran

Permohonan
 Pertimbangan Khas
 (jika perlu)

Kemudahan akses
 kepada
 infrastruktur &
 persekitaran



PELAKSANAAN

Guru Pendidikan Khas &
 Guru Subjek (Pegawai Fokal)

Merancang Keperluan Akademik
 (Mengikut Keperluan Pelajar)

Pengubahsuaian & Adaptasi
 Kurikulum

Pemantauan
 (Perkhidmatan Bantuan yang
 berkenaan & SENCO Menengah)

KRITERIA PELAJAR

- Berdaftar di bawah Jabatan Pendidikan Khas
- Disahkan oleh Pegawai Psikologi Pendidikan
- Mempunyai diagnosis yang disahkan oleh Kementerian Kesihatan.

PROGRAM PRA-VOKASIONAL PL3-PL5

PENGENALAN

- Program ini adalah program pendidikan khas bagi memenuhi keperluan pelajar pendidikan khas tahap tinggi (PL3 - PL5) yang tidak boleh mengikuti kurikulum aliran perdana di peringkat menengah.
- Guru Homeroom (HRT) sebagai fokus.

KATEGORI PELAJAR

1 Pelajar Berkeperluan Khas Tahap Tinggi

Intelek

Fizikal

Autisma

Sensori
Penglihatan

Pertuturan &
Percakapan

Sensori
Pendengaran

Mempunyai Pelan Pendidikan Individu (PPI/IEP)

2 Pelajar Berkeperluan Khas Dari Segi Pembelajaran

Mempunyai Pelan Pendidikan Individu (PPI/IEP)

Mempunyai kemahiran asas yang terhad dari segi akademik berfungsi, hidup berdikari dan vokasional

PENCALONAN PELAJAR

- Dirujuk ke Jabatan Pendidikan Khas.
- Dinilai dan disahkan oleh Pegawai Psikologi Pendidikan.
- Dipersetujui oleh ibu bapa / penjaga.
- Dikecualikan menduduki Peperiksaan PSR.

MATLAMAT PROGRAM

- Membentuk pelajar menjadi insan berjaya, berdisiplin, berdaya saing, berkeyakinan diri dan berdikari mengikut keupayaan individu.
- Menerapkan dan mengukuhkan Kemahiran :-

Asas Akademik
Berfungsi

Sosial & Komunikasi

Hidup Berdikari

Asas Vokasional

Kerja

- Memberikan pendedahan kepada dunia pekerjaan sebenar.
- Memberikan pendidikan yang bersesuaian mengikut Pelan Pendidikan Individu (PPI).

PELAKSANAAN PROGRAM

5

TAHUN PROGRAM Sekolah Menengah

PELAJAR YANG MENGIKUTI PROGRAM PRA-VOKASIONAL INI TIDAK AKAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN AWAM

TAHUN 7-9



- Kemahiran Asas Akademik Berfungsi, Sosial & Komunikasi, Hidup Berdikari, Asas Vokasional.
- Lawatan Penempatan Kerja.

TAHUN 10-11



- Penempatan Kerja di Sektor Kerajaan dan Swasta.
- Tahun 10 (3 bulan), Tahun 11 (6 bulan)

PENGIKTIRAFAN SIJIL



Menerima:

- Sijil Program Pra-Vokasional (Memenuhi Tahap Pengajian Tahun 9, Peringkat Menengah Bawah).
- Sijil Berhenti Sekolah.

SELEPAS PROGRAM



- Disarankan untuk mendaftar sebagai ahli kepada persatuan-persatuan OKU yang bernaung di bawah Majlis Kebangsaan Orang Kelainan Upaya (MKOKU).
- Meningkatkan peluang mengikuti program-program kemahiran lanjutan di pusat-pusat khas seperti Pusat Bahagia, Pusat Ehsan, Pusat Pembangunan Belia dll.
- Memberi peluang pekerjaan yang bersesuaian.

PUSAT KECEMERLANGAN PENDIDIKAN KHAS (COE)






جباتن قندي يقن خاص

JABATAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pusat
Kecemerlangan
Pendidikan Khas
CENTRE OF EXCELLENCE
CoE
(Rendah)



RASIONAL PENUBUHAN

Strategic Objectives (SO) 2:
"Provide equal and equitable access to higher
learning for opportunities to quality education"

1

Pendidikan inklusif
(khas) yang berkualiti
dan saksama

2

Menyediakan perkhidmatan
bantuan dan infrastruktur yang
berkualiti tinggi untuk
meningkatkan akses,
penglibatan dan pencapaian
pelajar berkeperluan khas

3

Mengoptimakan
sumber pembelajaran
dan tenaga manusia

4


Sebagai satu wadah untuk
meningkatkan penerimaan
(acceptance) di kalangan pihak
berkepentingan (stakeholders)
dan masyarakat.

KEMASUKAN CoE

Penggunaan "Designated Priority Levels (PL) System"

bagi menyalurkan pelajar mengikuti
pembelajaran ke
Centre of Excellence

(Pelajar yang mempunyai
PL 3-PL 5 disalurkan ke CoE)



PROGRAM / AKTIVITI

Program
Literasi & Numerasi



Aktiviti
Sensory Pathways



Aktiviti
Multi-Sensory
Stimulation



Aktiviti
Wall Climbing



Aktiviti
Circle Time



Program Urus Diri
• Aktiviti Mengemas Bilik
• Aktiviti Mengosok
Pakaian (seterika)
• Aktiviti Memasak



PRASARANA



Bilik Sumber
Sensori
Penglihatan



Bilik Sumber
Sensori
Pendengaran



Ruang
Dapur



Bilik Darjah



Ruang
Belajar



Ruang
Komputer



Bilik Solat



Bilik Kerja
Guru


Ruang
Legar




Circle Time
Area



Sensory
Integration
Room



Multi
Sensory
Room



Sensory
Path



Mock Up
Bedroom




Ruang
Bermain



JABATAN PENDIDIKAN KHAS

Simpang 240
Kampong Pintu Malim
Jalan Kota Batu
Bandar Seri Begawan

+673 244 6553
+673 741 3872 (Whatsapp)
jpkhas@moe.gov.bn



Whatsapp



PERKHIDMATAN BANTUAN PEMBELAJARAN (HOSPITAL RIPAS)





جباتن قندي يقن خاص

**JABATAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Perkhidmatan Bantuan Pembelajaran Hospital RIPAS



VISI

Pendidikan Inklusif
Berkualiti
Pelajar
Berkeperluan Khas
Gemilang

MISI

Memastikan Program
dan Perkhidmatan
yang Berkualiti bagi
Membolehkan Pelajar-
pelajar Berkeperluan
Khas Mencapai
Potensi Maksima



JABATAN PENDIDIKAN KHAS IBU PEJABAT

Simpang 240, Kampong Pintu Malim,
Jalan Kota Batu, Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam




Hubungi Kami

Tel: +673 244 6553

Faks: +673 244 6551

Emel: jpkhas@moe.gov.bn



Perkhidmatan Bantuan Pembelajaran di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) ialah bantuan pembelajaran yang disediakan oleh Jabatan Pendidikan Khas khusus bagi pesakit/pelajar yang menerima rawatan di hospital RIPAS. Perkhidmatan ini diperkenalkan pada bulan Ogos 2010.



PERKHIDMATAN BANTUAN PEMBELAJARAN DI UNIT PAEDIATRIC ONCOLOGY, WAD 28 BLOK PEREMPUAN DAN KANAK-KANAK HOSPITAL RIPAS



Siapa yang merujuk pesakit / pelajar bagi mendapatkan perkhidmatan?

- Doktor Hospital RIPAS.
- Jurupulih Cara Kerja RIPAS.

Perkhidmatan Pembelajaran:

- 2 kali seminggu (Rabu & Khamis).
- Bertempat di Bilik Sumber, Unit Paediatric Oncology, Wad 28, Blok Perempuan dan Kanak-kanak.

Tujuan



Membantu pesakit/pelajar belajar mengikut tahap kemampuan mereka (Tahap kesihatan adalah keutamaan).



Menyokong & memberi dorongan kepada pesakit / pelajar untuk meneruskan pembelajaran supaya tidak tercicir dalam pelajaran.



Menyediakan pelbagai pendekatan pengajaran & pembelajaran sebagai salah satu bentuk terapi.



Membantu pesakit /pelajar yang memerlukan perkhidmatan lain seperti pertimbangan khas.



Siapa yang layak menerima perkhidmatan?



- Pesakit /pelajar dalam lingkungan umur 5-12 tahun yang menerima rawatan di hospital dalam jangka masa panjang (*long term*) dan terpaksa meninggalkan sekolah kerana mengalami penyakit kronik.
- Pesakit /pelajar yang menjalani rawatan dan diberikan cuti khas jangka masa panjang oleh pihak doktor dari menghadiri sekolah secara formal.

MESYUARAT KOMITI PERINGKAT SEKOLAH (SBT)



KOMITI PERINGKAT SEKOLAH

School Based Team (SBT)



JABATAN PENDIDIKAN KHAS
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam

PENGENALAN

KOMITI PERINGKAT SEKOLAH
atau
SCHOOL BASED TEAM (SBT)

Komiti ini berperanan dan bertanggungjawab dalam merancang, menyediakan, melaksanakan dan mereviu program serta perkhidmatan bagi pelajar berkeperluan khas seperti yang ditekankan dalam Dasar Pendidikan Inklusif, Kementerian Pendidikan.



AHLI-AHLI

KOMITI PERINGKAT SEKOLAH

1 Pengetua /Guru Besar

2 Timbalan Pengetua /
Penolong Guru Besar

3 Guru Kanan Akademik

4 Guru SEN/ Guru HRT/ Guru Sumber /
Pembantu Guru/ *SEN Support Educators* (Sebelumnya dikenali sebagai LST)


5 Guru Kelas / Guru
Subjek

6 Ibu Bapa / Penjaga

7 Kakitangan Sekolah
(Jika Perlu)

8 JPKhas (Pakar / Pegawai
Berkenaan) (Jika Perlu)

9 Pihak Berkepentingan / Pakar
/ Pegawai Kesihatan
(Jika Perlu)



TUJUAN

KOMITI PERINGKAT SEKOLAH

- Keperluan pelajar dapat ditangani dan dipenuhi dengan sepenuhnya serta dipantau secara berterusan.
- Isu dan cabaran dapat diatasi dengan lebih cepat melalui perbincangan bersama ahli komiti.
- Matlamat / objektif dapat dicapai dengan bantuan ahli komiti melalui peranan masing-masing.



CONTOH

PERLAKSANAAN

KOMITI PERINGKAT SEKOLAH



Mesyuarat dipengerusikan oleh **PENGETUA / GURU BESAR**

Pelan Pendidikan Individu (PPI) / *Individual Education Plan (IEP)*

Objektif dirangka dan dipersetujui oleh ahli-ahli komiti

Intervensi berpandukan objektif *IEP* yang telah dipersetujui

Memantau perkembangan pelajar berpandukan objektif *IEP*

Rebiu/ Menilai perkembangan *IEP* pelajar



RUJUKAN BUKU SBT DIGITAL

Sila imbas kod QR di bawah:



جباتن فنديقن خاص
JABATAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JABATAN PENDIDIKAN KHAS

Simpang 240
Kampong Pintu Malim
Jalan Kota Batu
Bandar Seri Begawan

+673 244 6553
+673 741 3872 (Whatsapp)
jpkhas@moe.gov.bn



Whatsapp

TABUNG IKHLAS





Tabung IKHLAS

JABATAN PENDIDIKAN KHAS

Pembelian & Sumbangan
Peralatan / Sumber Pembelajaran
[Pelajar Berkeperluan Khas]



كلنا
IKHLAS

Pengenalan

2012 Penubuhan Jawatankuasa Bantuan Pelajar Berkeperluan Khas (IKHLAS)

Khusus bagi memastikan Pelajar Berkeperluan Khas mendapat akses dan menerima pendidikan yang lebih bersesuaian dan dapat memenuhi keperluan mereka secara individu.

Tujuan

1

Memberikan peluang kepada Pelajar Berkeperluan Khas untuk mengikuti pembelajaran dalam persekitaran sekolah yang inklusif (Dasar Pendidikan Khas).

2

Memastikan Pelajar Berkeperluan Khas diberikan peralatan, kemudahan dan sumber khas untuk memenuhi keperluan-keperluan khas mereka.

3

Membantu dan meningkatkan keupayaan serta mencapai potensi mereka ke tahap maksima.



Untuk Siapa?


- Pelajar yang didiagnosa / dikenalpasti berkeperluan khas dari segi:-



- Pelajar yang memenuhi kriteria permohonan yang telah ditetapkan.

Ingin Memberi Sumbangan?

[Sektor Swasta & Orang Awam]



"Sedekah dapat menghapus dosa sebagaimana air memadamkan api." - [H.R. Tirmidzi]



Contoh Peralatan Khas / Sumber Pembelajaran



Big Keyboard



Adjustable Book Stand



Braille



Adapted Mouse



Wheelchair




Customized Chair



Structured Learning Approach


Tatacara

[Sekolah]



JABATAN PENDIDIKAN KHAS

Simpang 240
Kampong Pintu Malim
Jalan Kota Batu
Bandar Seri Begawan
+673 244 6553
jpkhas@moe.gov.bn





RUJUKAN LAIN

- DESIGNATED PRIORITY LEVELS (DPLs)

Designated Priority Levels (DPLs)

Designated Priority Levels (DPL) ialah panduan praktikal yang menetapkan untuk mengenal pasti secara objektif tahap keperluan pelajar yang berbeza itu bukan semata-mata berdasarkan diagnosis. Ia menetapkan untuk mengenal pasti keperluan pelajar dalam domain tertentu seperti berikut:

- 1 BANTUAN PEMBELAJARAN (LEARNING SUPPORT)**
 Berapa banyak bantuan guru yang diperlukan oleh pelajar di dalam kelas?
- 2 ADAPTASI KURIKULUM (CURRICULUM ADAPTATION)**
 Sejauh mana kurikulum perlu diubah suai, dipermudahkan atau dibezakan untuk pelajar?
- 3 ADAPTASI FIZIKAL (PHYSICAL ADAPTATION)**
 Sebarang perubahan, penambahan atau pengubahsuaian yang diperlukan agar pelajar dapat mengakses persekitaran pembelajaran fizikal (kemudahan sekolah / bilik darjah)?
- 4 SUMBER KHAS (SPECIALISED RESOURCES)**
 Adakah pelajar memerlukan bahan, peranti atau peralatan khusus untuk menyokong pembelajaran mereka?
- 5 PERTIMBANGAN KHAS (ACCESS ARRANGEMENTS)**
 Adakah pelajar memerlukan pengaturan peperiksaan khas untuk dapat menunjukkan pengetahuan dan kebolehan mereka?

Setiap domain ini mempunyai kriteria pemarkahan tersendiri yang membawa kepada penetapan Tahap Keutamaan bagi Pelajar Berkeperluan Khas. Designated Priority Levels (DPL) yang ditetapkan kemudiannya digunakan untuk menentukan sama ada keperluan pelajar paling baik dipenuhi di Pusat Kecemerlangan Pendidikan Khas (CoE) atau sekolah bukan aliran perdana CoE.

Terdapat 5 Tahap Keutamaan (PL) yang menentukan tahap keperluan seseorang pelajar seperti yang ditunjukkan dalam rubrik pemarkahan di bawah:

JUMLAH MARKAH	0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
PRIORITY LEVEL	Diagnosis Only		Mild			Moderate		Severe			Profound		
	PL 1		PL 2			PL 3		PL 4			PL 5		

Pelajar PL1 & PL2 akan menetap di sekolah asal kerana mereka masih boleh mengikuti kurikulum dengan bantuan minima atau bantuan biasa dari guru.

Pelajar PL3, PL4 dan PL5 akan dipilih untuk ditempatkan ke CoE bagi memastikan keperluan khas mereka akan mendapat bantuan secukupnya dari segi kesesuaian, kemahiran, sumber manusia, pengubahsuaian fizikal yang diperlukan dan sumber-sumber khas. (Escoto-Kemp & Matzin, 2019)

Tahap Keutamaan Program Pra-Vokasional

Apabila pelajar yang mempunyai PL 4 dan PL 5 memasuki Program Pra-Vokasional Tahun 7 di sekolah menengah, tahap keperluan mereka boleh dibahagikan kepada 5 domain khusus seperti berikut:

- 1 KEMAHIRAN HIDUP BERDIKARI (INDEPENDENT LIVING SKILLS)**
 Aktiviti harian yang melatih kemahiran hidup berdikari pelajar termasuk: pengurusan wang, membeli-belah, asas memasak, pekerjaan rumah dan pengurusan masa.
- 2 KEMAHIRAN MENJAGA DIRI (SELF-CARE SKILLS)**
 Kemahiran yang diperlukan untuk mengembangkan fungsi seseorang pelajar dan adaptasi tingkah laku untuk meningkatkan tahap berdikari seperti makan, dandanan, berpakaian, kebersihan diri dan penggunaan tandas.
- 3 KEMAHIRAN AKADEMIK BERFUNGSI (FUNCTIONAL ACADEMIC SKILLS)**
 Berapa sesi sokongan pembelajaran yang diperlukan oleh pelajar bagi meningkatkan kemahiran literasi dan numerasi asas mereka?
- 4 PENYESUAIAN FIZIKAL (PHYSICAL ADAPTATION)**
 Sebarang perubahan, penambahan atau pengubahsuaian yang diperlukan agar pelajar dapat mengakses persekitaran pembelajaran fizikal (kemudahan sekolah / bilik darjah)?
- 5 SUMBER KHAS (SPECIALISED RESOURCES)**
 Adakah pelajar memerlukan bahan, peranti atau peralatan khusus untuk menyokong pembelajaran mereka?

Domain-domain tersebut boleh membantu dalam memastikan pelajar:

- Memupuk perkembangan kemahiran yang diperlukan;
- Mencapai kemahiran berdikari dalam hidup;
- Mendapatkan pekerjaan atau menceburi bidang perniagaan dan menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara.

Siapakah yang bertanggungjawab dalam menentukan/menetapkan Priority Level (PL)?

Ahli Jawatankuasa dalam Komiti Peringkat Sekolah / School-Based Team (SBT) termasuk Guru Besar, Pengetua, Guru SEN, guru-guru, Ibu bapa/ penjaga dan pegawai-pegawai/ pegawai pakar dari Jabatan Pendidikan Khas. Selalunya proses ini dilaksanakan semasa membuat penyediaan Pelan Pendidikan Individu (PPI)/ Individual Educational Plan (IEP) pelajar.



+673 244 6553
 +673 741 3872 (Whatsapp)
 jpkhas@moe.gov.bn

#JPKhas

#AScEND

Risalah-risalah ini diterbitkan sebagai salah satu inisiatif strategik jabatan bagi memberigakan maklumat terkini Jabatan Pendidikan Khas khususnya perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan, program-program dan strategi-strategi yang dijalankan dalam menyokong Pelajar Berkeperluan Khas dan guru-guru di sekolah.

Risalah-risalah ini juga boleh digunakan oleh ibu bapa, penjaga serta pihak berkepentingan sebagai bahan rujukan bagi mengetahui Prosedur Operasi Standard (SOP) yang terdapat di jabatan ini.

Semoga dengan adanya risalah ini memudahkan urusan di antara pihak berkepentingan dan Jabatan ini.

2023

#Proses Rujukan

#Tabung IKHLAS

#Strategi Pertuturan,
Percakapan dan Komunikasi

#Komiti Peringkat Sekolah (SBT)

#Strategi Pembelajaran & Pengajaran
Disleksia

#Pusat Kecemerlangan Pendidikan
Khas (CoE)

#Pertimbangan Khas

#Perkhidmatan Khas



Pautan Bahana:

- [JPKhas online resources](#)
- [A Guidebook For Parents & Teachers On Special Education](#)
- [Garis Panduan Pengurusan Kecemasan dan Keselamatan Pelajar Berkeperluan Khas](#)
- [Vaccination Social Stories](#)
- [Borang Rujukan](#)
- [Special Education Framework](#)



[jpkhas_moe.bn](#)



jpkhas@moe.gov.bn



+673 2446553



Jabatan Pendidikan Khas
Spg 240, Kg Pintu Malim